



DDII terus perkukuh peranan dakwah, pendidikan di Indonesia – MB Kelantan

Desa Taqwa: Kelantan gigih perkasakan perkampungan yang berkat

Masjid Madinah Ramadan mercu tanda BBT 2035 - MB Kelantan

SG4 sepakat tolak RUU Pembaharuan Semula Bandar 2025

Kelantan pelopor sistem penarafan masjid digital

Oleh Norzana Razaly

KOTA BHARU, 26 Ogos – Negeri Kelantan melakar sejarah tersendiri apabila menjadi negeri pertama di Malaysia membangunkan Sistem e-SPMM (Sistem Penarafan Masjid Malaysia), sebuah platform digital bersepadu yang memacu ketelusan, kecekapan dan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan masjid.

Sistem tersebut dilancarkan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) YBM Tan Sri Dato' Tengku Dr Mohd Rizam Tengku Abdul Aziz dalam Majlis Perasmian Kolokium Penarafan Masjid 2025 di sebuah hotel di sini, hari ini.

“Sistem e-SPMM akan menjadi instrumen penilaian bersepadu bagi memantau prestasi masjid secara sistematik, telus dan boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan. Ia bukan sahaja memperkukuh profesionalisme, bahkan membuka ruang kepada masyarakat untuk memahami dan menilai sendiri tahap pengurusan masjid mereka,” katanya.

Tambah beliau, sistem ini bukan hanya melibatkan masjid neg-



eri, tetapi turut merangkumi masjid bandar, jajahan dan mukim, menjadikannya satu pendekatan menyeluruh dalam meningkatkan mutu pentadbiran masjid di Kelantan.

Menariknya, impak positif sistem ini sudah mula dirasai apabila 29 buah masjid berjaya mencapai penarafan lima bintang bagi tahun 2025, berbanding hanya lima buah masjid pada tahun 2023.

Antara masjid yang mencatat peningkatan ketara ialah Masjid Mukim Baung Bayam, yang melonjak daripada 65.64 peratus kepada 90.76 peratus, hasil pengurusan kolektif dan penglibatan aktif komuniti setempat.

Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian pula diiktiraf

sebagai Rumah Ibadat Hijau pada 2023, kini dilengkapi tandas bertaraf lima bintang serta landskap mesra jemaah.

Menariknya, Masjid Ayesha, Kok Lanas, menunjukkan lonjakan prestasi dari 80.38 peratus kepada 93.26 peratus menerusi sistem pengurusan wakil amanah, pengurusan fail Arkib Negara dan penglibatan belia serta wanita dalam program kebajikan.

Sementara Masjid Jamek Ismail Petra, Tanah Merah, pula mencatat peningkatan kepada 95.82 peratus berbanding 91.85 peratus pada 2023 melalui pelbagai program komuniti, termasuk sesi pemulihan bersama bekas penagih dadah dan individu dalam proses rawatan.

Dalam majlis sama, satu lagi



sistem ini bukan hanya melibatkan masjid negeri, tetapi turut merangkumi masjid bandar, jajahan dan mukim, menjadikannya satu pendekatan menyeluruh dalam meningkatkan mutu pentadbiran masjid di Kelantan,”

inisiatif penting turut diperkenalkan iaitu Kempen Sedekah Seriya Sehari yang memberi kemudahan kepada masyarakat menyumbang melalui platform digital yang lebih selamat, mudah dan efisien.

“Kempen ini terbuka kepada semua tanpa mengira kaum dan agama, dan dilihat sebagai satu langkah inklusif dalam memupuk budaya memberi serta memperkukuh jaringan kebajikan,” jelas Tan Sri Tengku Dr. Mohd Rizam.

Beliau menyifatkan kedua-dua inisiatif tersebut sebagai pemangkin transformasi masjid di Kelantan, menjadikannya lebih dekat dengan masyarakat serta memperkukuh fungsinya sebagai pusat ibadah, ilmu, kebajikan dan perpaduan ummah.



Desa Taqwa: Kelantan gigih perkasakan perkampungan yang berkat

Oleh Norzana Razaly

PASIR MAS, 25 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan bertekad menadbir negeri berdasarkan perintah Allah dan sunnah Rasulullah, meneruskan legasi pentadbiran Allahyarham Tan Sri Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat yang memulakan inisiatif Desa Taqwa sejak tahun 1991.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa kekuatan dan keberkatan sesebuah kampung atau masyarakat terletak pada sikap pemimpin dan rakyat yang bertakwa serta taat kepada suruhan Allah SWT.

Menurutnya, hanya mereka yang beriman akan menerima rahmat dan keberkatan dunia hingga akhirat, manakala yang kufur akan menempuh azab seperti nasib kaum Tsamud, kaum 'Ad dan kaum Nabi Lut a.s.

Beliau mengaitkan kejadian bencana alam seperti angin puting beliung di Vietnam, banjir di India, dan pandemik COVID-19 di seluruh dunia adalah peringatan dan ujian yang harus disedari masyarakat.

Beliau turut mengingatkan ancaman sains moden seperti objek angkasa sebesar negeri Kelantan yang dikatakan menuju ke bumi pada November nanti, yang mence-



tuskan ketakutan global.

Beliau juga menyorot krisis sosial dan moral yang semakin meruncing, termasuk kes pencabulan dalam kalangan keluarga sendiri dan isu LGBT yang berleluasa, sebagai faktor yang mengundang kemurkaan Allah.

"Kalau kita benar-benar beriman, tiada orang miskin atau kelaparan di kampung kerana pemimpin dan masyarakat saling bantu-membantu dan kita tidak bimbang azab Allah datang pada bila-bila masa," katanya ketika merasmikan Majlis Pemeraksanaan Desa Taqwa 2025 di Kampung Gelang Mas, hari ini.

Menurutnya lagi, program pemeraksanaan Desa Taqwa tersebut bertujuan membina masyarakat beriman dan bertakwa dengan pembangunan seimbang di antara aspek rohani dan kebendaan.

Sehubungan itu, beliau memetik pandangan penulis buku Excellence Without a Soul: Does Liberal

Education Have a Future?), 2006 oleh Harry R. Lewis.

"Profesor sains komputer dan bekas dekan Kolej Harvard itu mengkaji keadaan institusi asalnya, walaupun kebanyakan apa yang beliau nyatakan turut berkaitan dengan pendidikan tinggi di Amerika secara amnya.

Buku ini menyatakan bahawa kemajuan manusia tanpa jiwa dan nilai spiritual akan membawa kerosakan dunia.

"Jadi, Desa Taqwa Kampung Gelang Mas dipilih sebagai salah satu daripada sepuluh Desa Taqwa untuk projek rintis pemeraksanaan dengan infrastruktur lengkap seperti sekolah agama dan kebangsaan, klinik, jalan raya, masjid dan pondok agama.

"Usaha ini adalah manifestasi dasar "Membangun Bersama Islam" yang meliputi lima teras strategik utama iaitu agama, sosial, pendidikan, ekonomi dan prasarana," katanya.

na," katanya.

Mengulas lanjut, Dato' Dr. Mohamed Fadzli menegaskan bahawa sebanyak 101 Desa Taqwa telah diwujudkan secara berperingkat di seluruh Kelantan. Namun, selepas 30 tahun, program itu dilihat semakin terpinggir.

"Bermula 2019, kerajaan negeri mengambil inisiatif memperkasakan kembali Desa Taqwa melalui pelan tindakan strategik dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan.

"Dengan pemilihan 10 Desa Taqwa sebagai projek perintis, kerajaan berhasrat menjadikan program ini sebagai model pembangunan kampung contoh bukan sahaja di Kelantan tetapi juga di seluruh negara.

"Kerajaan negeri juga berharap agar semua pihak terlibat, termasuk ketua jajahan yang bertindak sebagai pengerusi Desa Taqwa dapat menggalas tanggungjawab dengan penuh dedikasi demi memastikan kejayaan agenda pemeraksanaan ini," jelasnya.

Turut hadir, pada majlis tersebut ialah Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad, Ahli Dewan Negeri (ADN) Tendong YB Rozi Muhammad, ADN Chetok YB Zuraidin Abdullah dan Ketua Jajahan Pasir Mas Shamsul Abu Bakar.



DDII terus perkukuh peranan dakwah, pendidikan di Indonesia – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Ogos – Menjelang ulang tahun ke-54 penubuhannya, Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia (DDII) terus memperkukuh peranannya sebagai institusi penting dalam bidang dakwah dan pendidikan di Indonesia dengan fokus utamanya kepada tiga tonggak dakwah iaitu pesantren, masjid dan kampus.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, DDII berperanan besar dalam memperteguh aqidah dan syariah Islam, menjalin ukhuwah sesama umat Islam serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai program dakwah, pendidikan dan kegiatan sosial.

"Organisasi ini bertujuan menyebarkan ajaran Islam yang bersumber daripada al-Qur'an dan as-Sunnah, melatih para da'ie, membina jatidiri umat serta menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak demi kemaslahatan umat dan



bangsa Indonesia," katanya menerusi satu hantaran di media sosialnya pada Isnin.

Dalam kunjungan kerja rasmi ke Jakarta bermula Khamis lepas, Menteri Besar turut mengadakan pertemuan mahabbah bersama Ketua Umum Dewan Da'wah Dr. Adian Husaini.

Pertemuan itu menjadi medan bertukar pandangan dan memperkukuh elemen penyatuan ummah di rantau Nusantara.

"Malaysia dan Indonesia adalah negara serumpun yang berkongsi banyak persamaan dari segi bu-

daya, sejarah, bahasa, agama dan keturunan.

Justeru, ukhuwah dan kerjasama antara kedua-dua negara perlu terus dieratkan dengan penuh mahabbah dan semangat persaudaraan, khususnya antara Kelantan dan Indonesia," ujarnya.

Sempena lawatan tersebut, beliau turut menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Al-Furqan, Jakarta.

Dato' Mohd Nassuruddin menyifatkan pengalaman itu sebagai suatu peringatan akan amanah besar kepimpinan yang bukan



sekadar urusan duniawi, bahkan membawa mesej keimanan dan ketakwaan.

Selain itu, Menteri Besar juga berkesempatan melawat syarikat milik anak Kelantan Jaxer Group Indonesia, yang kini giat melakar nama dalam bidang teknologi keselamatan pelajar dan inovasi pendidikan di Indonesia.

Lawatan tersebut sekali gus menzahirkan penghargaan terhadap pencapaian rakyat Kelantan di perantaraan yang membawa perubahan positif dalam sistem pendidikan negara jiran itu.

Pemimpin negara diingatkan berhemat berucap – YB Wan Rohimi



Oleh Norzana Razaly

ALOR SETAR, 24 Ogos – Timbalan Exco Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Pembangunan Insan, Integriti dan Undang-undang YB Wan Rohimi Wan Daud mengingatkan bahawa pemimpin negara wajib berhemat dan bertanggungjawab ketika berucap, selaras dengan prinsip undang-undang yang menuntut setiap kenyataan awam bebas daripada unsur fitnah dan tuduhan palsu.

Beliau yang juga peguam Menteri Besar Kedah YAB Dato' Seri Muhammad Sanusi Md. Nor, berkata demikian susulan keputusan

Mahkamah Tinggi Alor Setar yang sebentar tadi membenarkan tuntutan saman fitnah Menteri Besar Kedah terhadap mantan Setiausaha Agung PKR Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang juga Menteri Dalam Negeri berhubung kenyataan dalam Program Jelajah Madani pada 15 Julai 2023 sempena kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) enam negeri.

"Keputusan ini adalah mesej jelas kepada semua pihak, khususnya pemimpin negara, agar berhemat ketika berucap. Kebebasan bersuara bukanlah lesen untuk membuat tuduhan palsu yang mencemar nama baik indi-

vidu. Setiap ucapan membawa implikasi undang-undang dan boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap institusi kepimpinan," tegas YB Wan Rohimi ketika dihubungi selepas prosiding, hari ini.

Turut bersama mewakili Dato' Seri Sanusi dalam prosiding tersebut ialah peguam Yusfarizal Yusoff dan Mohd Faizi Che Abu.

Menurut YB Wan Rohimi lagi, dalam ceramah tersebut, Saifuddin antara lainnya menuduh bahawa "Sanusi curi REE dan didenda sebanyak RM500 ribu".

Selain itu, beliau turut didakwa membuat kenyataan dalam satu sidang media pada 14 Julai 2023 bahawa Sanusi kononnya telah menyalahgunakan peruntukan dana MARRIS berjumlah RM1.6 bilion.

Hakim Dr. Johan Lee Abdullah dalam penghakimannya memutuskan bahawa kenyataan tersebut adalah fitnah dan memerintahkan defendan menerbitkan permohonan maaf dalam satu akhbar berbahasa Melayu dan satu akhbar berbahasa

Inggeris dalam tempoh 14 hari.

Termasuklah membuat permohonan maaf yang mesti dimuat naik di akhbar utama yang ditentukan dan teksnya diluluskan oleh plaintif.

Perintah injunksi kekal dikeluarkan bagi menghalang pengulangan kenyataan fitnah dan defendan membuat akujanji tidak mengulangi.

Di samping itu, defendan juga dikehendaki membayar Gantirugi Global berjumlah RM600,000 dan membayar kos prosiding sebanyak RM70,000.

YB Wan Rohimi berkata keputusan ini bukan sahaja memberi keadilan kepada anak guamnya, tetapi juga menjadi garis panduan penting kepada masyarakat politik tanah air.

"Mahkamah telah meletakkan sempadan yang jelas iaitu ucapan politik tetap tertakluk kepada undang-undang. Apa yang tidak benar, apatah lagi bersifat fitnah, wajib dipertanggungjawabkan," jelasnya.

Masjid Madinah Ramadan **mercu tanda** BBT 2035 - MB Kelantan



Oleh Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 26 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan merancang untuk membina Masjid Madinah Ramadan berkapasiti hampir 6,000 jemaah di Bandar Baru Tunjong sebagai sebahagian daripada Projek Mega Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Baru Tunjong (BBT) 2035.

Menteri Besar Kelantan YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Mohd Nassuruddin Daud berkata, masjid itu bakal menjadi mercu tanda baharu negeri yang memperkukuh syiar Islam di samping memberi impak besar terhadap pembangunan kerohanian dan sosioekonomi.

“Masjid ini turut dilengkapi Pusat Mushaf al-Quran dan

Manuskrip serta penempatan Pejabat Hal Ehwal Islam.

“Ia dijangka menjadi pusat tumpuan umat Islam sekali gus mengangkat peranan Bandar Baru Tunjong sebagai bandar terancang bercirikan Islam,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa perkara itu dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa

Pembangunan Projek Madinah Ramadan yang dipengeruskannya di Kompleks Kota Darulnaim pada 18 Ogos lalu.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan bertujuan memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, memantau kemajuan semasa serta menyelesaikan isu berkaitan agar pembangunan mengikut jadual dan menepati standard terbaik.



HPPNK 2025 catat lebih 150,000 pengunjung, **jualan lebih RM1.125 juta**

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 24 Ogos – Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 yang berlangsung di Pantai Irama Bachok mencatat kejayaan luar biasa apabila dianggarkan lebih 150,000 pengunjung hadir secara silih berganti sepanjang penjangjurannya.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kehadiran ratusan ribu pengunjung membuktikan minat dan sokongan tinggi rakyat terhadap pembangunan sektor pertanian, penternakan, perikanan serta agromakanan di negeri ini.

“Program ini telah memberi banyak input dan maklumat berkaitan perkembangan pelbagai industri di bawah sektor ini. Setakat tengah hari tadi, jumlah jualan yang direkodkan di laman jualan, laman pameran dan laman veterinar mencecah RM1 juta iaitu sebanyak RM943,677.10,” katanya ketika merasmikan majlis penutup HPPNK 2025.

Jumlah sebenar yang direkodkan oleh pihak sekretariat pasca program adalah RM1,125,403.60.



Antara tarikan utama HPPNK kali ini adalah pengenalan ikan susu serta hasil perikanan dari Zon Industri Akuakultur (ZIA) Danau Tok Uban, Pasir Mas. Sebanyak 100 kilogram ikan susu dan lebih 255 kilogram ikan air tawar lain dihidangkan secara percuma untuk sesi uji rasa kepada pengunjung.

“Jika rasa sedap, pengunjung boleh mendapatkan bekalan ikan ini daripada jabatan perikanan atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mempunyai ramai usahawan tempatan menyediakan jualan ikan tersebut,” tambahnya.

Selain itu, HPPNK 2025 juga

mencatat sejarah apabila menghimunkan jumlah ternakan ruminan terbesar iaitu sebanyak 246 ekor yang terdiri daripada 217 ekor lembu hibrid, sepuluh ekor lembu pelbagai baka, sepuluh ekor kambing dan sepuluh ekor bebiri.

“Permohonan untuk menyertai pameran ternakan sebenarnya hampir 300 pengusaha tetapi kita terpaksa hadkan kepada sekitar 200 lebih sahaja kerana kekangan ruang dan kos penyediaan keperluan pameran. Ini menunjukkan perkembangan positif dalam industri penternakan di Kelantan,” katanya lagi.



Dalam usaha memupuk kesedaran terhadap amalan kitar semula, sebanyak lebih 400 kilogram minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan sepanjang program berkenaan dan ditukar kepada ganjaran hadiah serta wang tunai melalui inisiatif Kelantan Utilitis Mubarakan (KUM).

Majlis penutup turut dihadiri Timbalan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Shaari Mat Hussein, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin serta ketua-ketua jajahan dan jabatan negeri dan persekutuan.

PTJ Pasir Mas sambut baik usaha pemerkasaan Desa Taqwa

Oleh Norzana Razaly

PASIR MAS, 25 Ogos – Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) Pasir Mas menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Kelantan memperkasa semula program Desa Taqwa sebagai model pembangunan masyarakat berasaskan takwa dengan sokongan kemajuan material.

Ketua Jajahan Pasir Mas Shamsul Abu Bakar berkata konsep Desa Taqwa menekankan keseimbangan antara kerohanian dan kebendaan agar masyarakat kampung bukan sahaja maju dari sudut fizikal, tetapi turut dipandu nilai iman dan takwa.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana memilih Desa Taqwa Gelang Mas mewakili Jajahan Pasir Mas bersama tiga lagi Desa Taqwa lain untuk diperkasakan pada tahun ini.

“Usaha ini penting bagi menghidupkan kembali gagasan Desa



Taqwa yang diperkenalkan lebih 30 tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian Pemerkasaan Desa Taqwa yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan, di Kampung Gelang Mas, hari ini.

Shamsul menegaskan kejayaan program berkenaan bukan hanya bergantung kepada pihaknya dan jawatankuasa kampung semata-mata, sebaliknya turut dipikul Pejabat Penggawa agensi kerajaan

negeri dan GLC sebagai rakan strategik.

“Dengan pelancaran ini, lengkaplah satu Desa Taqwa bagi setiap jajahan diperkasakan kembali sebagai projek perintis.

“Walaupun fasa pertama hanya membabitkan sepuluh buah Desa Taqwa, usaha ini wajar diperluas kepada baki kampung lain agar program terus kekal relevan,” jelasnya.

Beliau juga berharap usaha pemerkasaan itu diharap mampu mengembalikan peranan Desa Taqwa sebagai kampung contoh

yang membangunkan modal insan bertakwa seiring dengan arus kemajuan zaman.

Untuk rekod, program Desa Taqwa diperkenalkan pada tahun 1991 sebagai inisiatif pembangunan komuniti di kampung terpilih dalam sesebuah mukim.

Sehingga kini, sebanyak 101 buah Desa Taqwa diwujudkan di seluruh negeri, termasuk 11 buah di Jajahan Pasir Mas antaranya Kampung Gelang Mas, Kampung Banggol Setol, Kampung Machang Gochoh dan Kampung Tempoyak.



SG4 sepakat tolak RUU Pembaharuan Semula Bandar 2025

Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 27 Ogos – Negeri-negeri SG4 yang terdiri daripada Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis bersepakat menolak Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (PSB) 2025 yang dijadual akan dibentangkan semula untuk bacaan kali kedua di Parlimen, hari ini.

Satu kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Menteri Besar keempat-empat negeri tersebut menegaskan bahawa sekiranya RUU itu diluluskan, ia akan memberi kesan besar terhadap bidang kuasa negeri termasuk kuasa autonomi, hak pemilikan tanah, serta hak asasi dan kelangsungan komuniti bandar, khususnya masyarakat asal di kawasan tersebut.

“RUU ini jika diluluskan akan terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Ia dijangka akan memberi kesan terhadap kuasa autonomi negeri, hak pemilikan tanah, kelangsungan komuniti asal bandar serta hak asasi penduduk setempat,” kata



kenyataan yang dikeluarkan pada Selasa.

Negeri-negeri SG4 turut menegaskan bahawa Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah dengan jelas menetapkan bahawa perancangan bandar merupakan bidang kuasa eksekutif negeri dan dilaksanakan melalui Pihak Berkuasa Perancang Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

“Akta 172 mengambil kira keperluan kawalan dan perancangan guna tanah serta pembangunan perbandaran yang selaras dengan dasar kerajaan negeri serta budaya dan keperluan penduduk setempat.

Pendekatan ini lebih holistik kerana ia mengambil kira cita rasa pembangunan negeri yang berteraskan pertimbangan dasar dan budaya penduduk,” menurut kenyataan tersebut.

Selain itu, kenyataan bersama itu turut melahirkan kebimbangan terhadap potensi gangguan terhadap hak pemilikan asal tanah dan komuniti tradisi di kawasan bandar, khususnya kaum Melayu dan Bumiputera.

Kenyataan tersebut ditandatangani oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud, Menteri Besar Terengganu YAB

Dato’ Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Kedah Dato’ Seri Muhammad Sanusi Md Nor dan Menteri Besar Perlis Mohd Shukri Ramli.

“RUU PSB ini juga tidak memperincikan mekanisme pampasan dan perlindungan yang jelas kepada pemilik asal tanah. Ini menimbulkan kebimbangan terhadap potensi ketidakseimbangan kaum dalam pemilikan hartanah di bandar-bandar,” jelas mereka.

Menurut SG4, undang-undang sedia ada seperti Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta Hakmilik Strata 1985, Akta Kerajaan Tempatan 1976 serta Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, jika dilaksanakan dengan baik dan ditambah baik mengikut keperluan semasa, adalah mencukupi untuk menangani isu-isu berkaitan pembangunan semula bandar.

“Oleh yang demikian, negeri-negeri SG4 menolak RUU Pembaharuan Semula Bandar 2025,” tegas kenyataan itu.

Kerajaan digesa semak semula dasar kesihatan swasta - YB Wan Martina

Oleh Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 27 Ogos – Ahli Dewan Negara YB Senator Wan Martina Wan Yusoff menggesa kerajaan menyemak semula dasar dan polisi berkaitan penjagaan kesihatan swasta bagi menjamin akses rawatan yang adil serta mampu dicapai rakyat.

Beliau berkata, berdasarkan Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) 2019, sebanyak 33.9 peratus rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan kesihatan swasta, namun peningkatan kos perubatan menimbulkan kebimbangan terhadap kemampuan masyarakat mendapatkan rawatan.

“Saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap isu yang dibangkitkan pegawai perubatan swasta.




Antaranya ialah harga ubatan daripada pembekal yang tidak seragam, kewujudan pihak ketiga yang menekan doktor dengan kos tambahan, serta yuran konsultasi yang tidak pernah diselaraskan lebih 30 tahun,” katanya ketika menyertai perbahasan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Kelima Belas Sidang Dewan Nega-

ra, pada Selasa.

Selain itu, beliau turut membangkitkan isu penghijrahan doktor dan pakar perubatan ke luar negara, cabaran penuaan masyarakat serta keperluan memperkukuh perkhidmatan kesihatan primer.

Menurutnya, kerajaan perlu merangka pelan tindakan menyeluruh bagi memastikan sistem kesihatan negara lebih mam-



pan, adil dan lestari.

“Kerajaan perlu peka terhadap permasalahan ini dan segera bertindak demi kepentingan kesihatan rakyat,” tegasnya.

Dalam perbahasan itu juga YB Wan Martina turut menyentuh lebih 15 isu nasional merangkumi aspek kesejahteraan rakyat, ekonomi dan sosial untuk perhatian kerajaan.

RUU URA 2025: Kelantan tolak sepenuhnya, bercanggah dengan perlembagaan dan autonomi negeri



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan pendirian untuk menolak sepenuhnya Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 (URA 2025) atas alasan ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan serta mengganggu kuasa autonomi negeri.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, beberapa peruntukan dalam RUU tersebut dilihat melangkaui batas undang-undang sedia ada termasuk hak milik tanah yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia.

“Antara percanggahan ketara

dalam RUU ini ialah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin bahawa hak milik tanah tidak boleh diganggu gugat kecuali mengikut lunas undang-undang. Hak ke atas geran tanah adalah satu jaminan utama kepada pemilik.

“Selain itu, RUU ini bercanggah dengan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang menetapkan kuasa mutlak berhubung dengan tanah berada di bawah Pihak Berkuasa Negeri. Ia juga bertentangan dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memperuntukkan urusan perancangan bandar sebagai bidang kuasa kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Perancang Negeri dan Tempatan,” katanya dalam sidang media selepas mesyuar-

at Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau turut mempersoalkan tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang meneruskan bacaan kali kedua RUU tersebut di Parlimen walaupun Jawatankuasa Pilihan Parlimen Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi telah mengemukakan permohonan rasmi untuk menangguhkannya.

“Kita difahamkan jawatankuasa tersebut sudah menghantar surat rasmi kepada Menteri KPKT memohon supaya bacaan kali kedua RUU URA ditangguhkan. Tetapi kenapa ia tetap diteruskan secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira pandangan jawatankuasa itu?” soal beliau.

Tegas beliau lagi, pendirian Kelantan selari dengan kenyataan bersama negeri-negeri SG4 iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis serta pendirian Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang turut menolak RUU berkenaan.

“Segala bentuk pembaharuan undang-undang mestilah menghormati Perlembagaan Persekutuan, memelihara kuasa autonomi negeri

dan melindungi hak pemilik tanah. Ini bukan soal politik, tetapi soal prinsip perundangan dan kedaulatan negeri,” ujarnya.

Untuk rekod, RUU URA 2025 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama oleh Menteri KPKT pada 21 Ogos lalu.

Negeri-negeri SG4 turut menyuarakan kebimbangan bahawa pelaksanaan RUU tersebut akan menjejaskan kuasa perancangan negeri, hak milik tanah, komuniti bandar asal dan hak penduduk setempat.

Dalam pada itu, Dato’ Dr. Mohamed Fadzli menjelaskan bahawa penolakan terhadap RUU URA tidak akan menjejaskan projek pembangunan sedia ada yang sedang dilaksanakan KPKT di negeri itu.

“Projek-projek yang sedang berjalan di Kelantan tetap diteruskan kerana ia telah dipersetujui secara bersama antara kerajaan negeri dan persekutuan.

“Kita harap projek ini dapat disiapkan segera, termasuklah projek Central Spine Road, manakala projek yang telah diluluskan dilaksanakan segera demi manfaat rakyat,” katanya.

Festival Cita Rasa Warisan@Pantai Timur: Kelantan ke arah Kota Kreatif Gastronomi UNESCO

Oleh Norzana Razaly

KOTA BHARU, 27 Ogos – Kelantan bakal sekali lagi meneguhkan gelarannya sebagai syurga makanan apabila Festival Cita Rasa Warisan@Pantai Timur menampilkan 150 juadah tradisional mewakili 10 jajahan, termasuk menu istimewa minuman, manisan, serta hidangan langka yang jarang ditemui.

Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara Jabatan Warisan Negara Dr. Eyo Leng Yan berkata, festival yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari bermula 5 hingga 7 September ini bukan sekadar pesta makanan, sebaliknya sebuah pentas memartabatkan warisan gastronomi yang menjadi identiti negeri.

“Daripada 213 elemen warisan kebangsaan yang telah diwartakan sebagai warisan tidak ketara, Kelantan merekodkan jumlah paling tinggi. Ini bukti betapa kaya dan luasnya khazanah budaya negeri ini,” katanya dalam sidang media sempena program itu di sebuah hotel di sini, hari ini.

Antara hidangan nadir yang akan dipersembahkan termasuk Nasi Seratus yang hampir pupus, Kerabu Beko, Itik Solor, Gulai Daun Kilek yakni sejenis daun yang pahit pada asalnya tetapi berubah menjadi enak apabila dimasak dengan kaedah tradisi serta juadah unik seperti Ros Lidah.

Menurutnya lagi, selain demon-



strasi masakan, acara “Jom Bekwoh” akan menghidupkan kembali tradisi gotong-royong kampung seperti mengukur kelapa dan memerah santan secara manual.

Persembahan gubahan pulut kuning dan sirih junjung turut melengkapi nuansa adat. Lebih menarik, selebriti kulinari terkenal, Dato’ Chef Ismail akan bersama rakyat bagi meraikan warisan berkeenaan.

Festival turut diserikan dengan acara Hungga Semutar melibatkan 1,000 peserta, pesta sarapan Nasi Berlauk, serta pesta makan Nasi Tumpang.

Dr. Eyo berkata, selain makanan, warisan budaya seperti wayang kulit, Mak Yong, dikir barat dan menora juga dipentaskan, menampilkan lebih 200 penggiat seni tempatan.

Tambahnya, Kelantan boleh meneladani pengalaman antara-

bangsa apabila Kuching, Sarawak diiktiraf UNESCO sebagai Kota Kreatif Gastronomi pertama negara, manakala Phuket, Thailand turut memegang status serupa.

Kemuncak festival akan menyaksikan Sultanah Kelantan, Sultanah Nur Diana Petra, berkenan merasmikan pelancaran Road to Kota Bharu Creative City of Gastronomy ke UNESCO pada Jumaat, 6 September.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) Nik Mohamad Fahmi Nik Daud pula menegaskan bahawa kekayaan makanan warisan, khususnya suasana meriah Bazar Ramadan, menjadi bukti keunikan Kota Bharu.

“Kami yakin, dengan kepelbagaian juadah warisan dan komitmen komuniti, pengiktirafan Kota Bharu sebagai Kota Kreatif Gastronomi akan dapat dicapai,” ujarn-

ya. Manakala Presiden Pertubuhan Kraf Malaysia (MCC), Nik Faiz Nik Amin pula memberi justifikasi festival berprestij tersebut dipilih berlangsung di Kota Bharu kerana prasarana lengkap yang mampu menampung dua pengiktirafan serentak iaitu Kota Kraf Dunia dan Kota Kreatif Gastronomi UNESCO.

“UNESCO telah memberi mandat untuk kita mempromosi warisan seni tak ketara. Momentum positif hanya dapat digerakkan apabila semua pemain industri bersatu hati, melahirkan sinergi yang organik dan berterusan,” jelasnya.

Sebanyak 70 penggiat makanan warisan terdiri daripada tenaga veteran dan belia yang bakal mengerjakan reruai jualan percuma sepanjang festival di Stadium Sultan Muhammad IV.

“Program jerayawara bersama pempengaruh telah pun digerakkan ke seluruh negeri bagi menarik pengunjung.

“Dengan kerjasama dan sokongan padu semua pihak, kita yakin festival ini mampu mengangkat gastronomi Kelantan ke pentas dunia.

“Sekali gus menjadikan setiap juadah bukan sekadar hidangan di pinggan, tetapi lambang identiti, sejarah, dan kearifan tempatan,” ujarnya.



TMK kurniakan kerusi roda modifikasi khas kepada 30 OKU

Oleh: Asri Hamat

KUBANG KERIAN, 27 Ogos—Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan (TMK) Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra berkenan mengurniakan kerusi roda modifikasi khas mengikut keperluan 30 Orang Kurang Upaya (OKU) dari kalangan asnaf di Kelantan.

Majlis pengurniaan kemudahan berlangsung di Dewan Utama, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, hari ini.

Sumbangan tersebut adalah daripada dana tabung ehsan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Tengku Mahkota Kelantan turut mengurniakan sijil kepada 50 pelatih OKU yang telah berjaya menamatkan latihan di bawah Program Latihan Pekerjaan OKU In-telek (VT@USM).

Baginda juga turut berkenan mengurniakan sumbangan kepada 250 penerima OKU terpilih di seluruh negeri, hasil sumbangan Majlis Jaksa Pendamai Negeri Kelantan dengan peruntukan sebanyak RM125,000.

Sementara itu, Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan USM Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail yang mewakili Naib Canselor



USM Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, dalam ucapannya berkata, sumbangan berkenaan memberi kelegaan dari segi kewangan kepada para penerima.

“Sumbangan tersebut juga menjadi tanda sokongan moral dan sosial kepada penerima untuk terus berusaha memperbaiki kehidupan.

“Ia juga mencerminkan semangat kebersamaan masyarakat Kelantan yang sentiasa mengutamakan kebajikan golongan memerlukan serta membuka ruang kepada penerima untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga, pendidikan dan penyertaan lebih aktif dalam komuniti,” katanya.

Majlis anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama MAIK melalui Pusat Transfor-

masi Orang Kurang Upaya USM-MAIK (PTOKU USM-MAIK) itu dilaksanakan dalam usaha untuk memperkasa golongan OKU melalui pendekatan inklusif, pendidikan serta kebajikan bersepadu.

Sementara itu, USM dalam kenyataan medianya berkata, kerusi roda yang disampaikan kepada para penerima telah melalui proses penilaian teliti oleh Pakar Terapi Cara Kerja (Occupational Therapist) bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan penggunaan.

Latihan penggunaan turut diberikan kepada para penerima dan penjaga masing-masing.

Menurut kenyataan itu juga, PTOKU USM-MAIK, yang ditubuhkan sejak tahun 2018 hasil dana hampir RM1 juta daripada MAIK melalui Dana Wang Ehsan Negeri Kelantan (WENK), ter-

us komited menjadi pusat sehati yang menyediakan akses kepada pendidikan, latihan vokasional, terapi, advokasi serta bantuan mobiliti untuk komuniti OKU.

“Pada tahun 2024, MAIK sekali lagi menzahirkan komitmen terhadap kebajikan OKU dengan menyumbang RM340,000 bagi pelaksanaan Program Penilaian, Pendidikan dan Modifikasi Kerusi Roda. Sehingga kini, lebih 100 OKU telah menerima manfaat daripada program tersebut,” katanya.

Para graduan Program VT@USM yang menerima sijil hari ini kebanyakannya telah diterima bekerja dalam pelbagai sektor membuktikan bahawa dengan latihan yang betul, golongan OKU juga mampu menyumbang secara produktif kepada pembangunan negara.

“USM menegaskan bahawa usaha ini selari dengan misi universiti untuk memberi impak positif dan lestari kepada masyarakat, termasuk golongan kurang upaya, sejajar dengan moto ‘Kami Memimpin’,” kata kenyataan itu lagi.

Hadir sama, Yang Dipertua MAIK yang juga Tengku Temenggong Kelantan YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz dirimngi timbalannya Dato' Mohd Anis Hussein.





TMK kurniakan kerusi roda modifikasi khas kepada 30 OKU

Perlawanan persahabatan sepak takraw eratkan hubungan Kelantan–Narathiwat

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 24 Ogos – Perlawanan persahabatan sepak takraw di antara agensi sempadan Thailand–Malaysia mampu memartabatkan sukan tradisional itu dan mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan Kelantan dan Narathiwat.

Exco Belia dan Sukan Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad berkata, program tersebut menjadi satu platform yang berkesan untuk mempererat hubungan dua hala di antara kedua-dua wilayah yang telah lama menjalinkan kerjasama erat.

“Hubungan baik dua wilayah berjiran ini sudah lama terjalin, dan acara sebegini membuka ruang lebih luas untuk saling memahami serta mengukuhkan semangat kejiranan serantau,” katanya menerusi satu catatan di media sosial, hari ini.

Perlawanan persahabatan tersebut berlangsung di Dewan Wawasan, Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Panji pada Sabtu yang turut menyaksikan penglibatan pelbagai agensi dari kedua-dua



negara.

YB Zamakhshari yang mewakili Menteri Besar Kelantan dalam program tersebut menyifatkannya sebagai langkah positif dalam mengeratkan hubungan antara komuniti di kedua-dua sempadan.

Beliau turut mengumumkan bahawa Kelantan akan menyertai Program Goodwill Games 2025 yang

dijadual berlangsung di Narathiwat pada 13 hingga 15 September depan.

“Insya Allah, Kelantan akan turut serta dalam Program Goodwill Games 2025 di Narathiwat, dengan penglibatan dalam pelbagai acara sukan dan kebudayaan yang bertujuan memupuk persefahaman dan keamanan antara negara,” jelas be-

liau.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Konsulat Jeneral Diraja Thailand di Kota Bharu serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran perlawanan tersebut.

“Semoga semangat kesukanan dan persahabatan terus kekal subur pada masa hadapan,” katanya.

U-BeS asah kemahiran belia, 20 peserta belajar teknik gunting rambut

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 25 Ogos – Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) Kelantan terus mengasah kemahiran anak muda Kelantan dalam bidang dandanan rambut kepada 20 belia tempatan.

Mereka menyertai Kursus Gunting Rambut Lelaki yang dikendalikan oleh tenaga pengajar bertauliah dan berpengalaman di Pusat Belia Kelantan, Aras Atas Medan Usahawan Kota Bharu bermula 24 hingga 28 Ogos.

Pengarah U-BeS Mohamad Kamal Mohamed berkata, kursus lima hari itu dianjurkan secara percuma khusus untuk belia lelaki berumur antara 18 hingga 35 tahun.

“Bagi memastikan peserta



memperoleh ilmu yang praktikal, berkualiti selaras dengan keperluan industri, kita dapatkan pakar untuk membimbing peserta terpilih.

“Penyertaan kursus ini dihadkan kepada 20 peserta sahaja dan setiap peserta diberikan bahan pembelajaran, modul, serta makanan secara percuma sepanjang program berlangsung,” katanya ketika dihubu-

ngi, hari ini.

Menurutnya lagi, program berkenaan bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta mengenai asas kemahiran menggunting rambut lelaki yang boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan di masa hadapan.

“Pada hari pertama kursus, para peserta didedahkan dengan pen-



genalan asas termasuk cara penggunaan mesin rambut, fungsi pisau cukur dan teknik asas menggunting.

Mereka juga mempelajari pelbagai gaya guntingan popular seperti undercut dan uppercut, serta fungsi jenis-jenis sikat yang digunakan dalam bidang tersebut,” jelasnya.